



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

6 September 2017

1. Pemilik Haiwan sambil lewa; Harian Metro m/s 28
2. Segaja jual lembu lebih mahal; Harian Metro m/s 28
3. Kan dah kena...; Harian Metro m/s 16
4. Insiden telur dicemari racun jejaskan 40 negara; Utusan Malaysia m/s 11

OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT DAN ANTARABANGSA
BAHAGIAN PERANCANGAN
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Rangkuman	M/SURAT: <input type="text" value="28"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input checked="" type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
6 September 2017			

**Pemilik
haiwan
sambil lewa**

Kuala Lumpur: Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) menganggarkan terdapat 60 hingga 75 peratus punca jangkitan parasit di negara ini berlaku daripada haiwan kepada manusia akibat kurang kesedaran pemilik menjaga kesihatan haiwan.

Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Datuk Dr Quaza Nizamuddin Hassan Nizam berkata, kesedaran terhadap penjagaan haiwan dalam kalangan masyarakat sama ada haiwan kesayangan atau ternakan masih lagi lemah sekali gus menyumbang kepada peratusan itu.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Rangkuman		M/SURAT: <input type="text" value="28"/>	RUANGAN :
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
6 September 2017			

Sengaja jual lembu lebih mahal

Seremban: Kerajaan negeri mengenal pasti terdapat sebilangan kecil penjual lembu di negeri ini mengambil kesempatan apabila menjual haiwan ternakan itu pada harga tinggi sepanjang Aidiladha.

Pengerusi Jawatankuasa Bertindak Pertanian dan Industri Asas Tani negeri Datuk Hasim Rusdi berkata, pihaknya menerima maklumat itu daripada orang ramai yang kecewa dengan perbuatan terbabit kerana ia tidak sepatutnya berlaku bagi tujuan pelaksanaan syariat Islam.

“Siasatan mendapati pengimport membeli haiwan berkenaan pada harga rendah, tetapi menjualnya semula pada harga tinggi,” katanya.

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input checked="" type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Setempat	M/SURAT: <input type="text" value="16"/>	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input checked="" type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
6 September 2017			



ANGGOTA Penguatkuasa DBKL merampas lembu dipelihara secara haram di Pusat Bandar Utara Selayang, Kuala Lumpur, semalam.

LEMBU diangkat anggota Penguatkuasa DBKL ke dalam lori.

Kan dah kena...

DBKL rampas lembu dipelihara warga asing di belakang bangunan bank

Morizuan Shamsuddin
norizuan@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tindakan dua warga asing memelihara lembu di ibu kota membawa padah apabila haiwan ternakan itu dirampas penguatkuasa Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ternakan itu dirampas hasil operasi dilakukan DBKL di Jalan 2/3A, Pusat Bandar Utara Selayang, di sini, kelmarin.

Dalam operasi bermula jam 10 pagi itu, pasukan penguatkuasa DBKL merampas dua ekor lembu yang diikat di belakang sebuah bangunan bank di lokasi itu.

Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Ibrahim Yu-

sof, berkata, operasi itu dilakukan susulan tular di media sosial memaklumkan kegiatan warga asing memelihara lembu di kawasan itu secara haram.

Katanya, tindakan pemilik haiwan itu membolehkan kawasan itu dicemari dengan najis haiwan berkenaan.

"Susulan itu, DBKL menyita dua lembu itu yang dipelihara di lokasi itu.

"Pemilik diarahkan berhenti memelihara lembu di lokasi berkenaan dan mereka diarah membersihkan kawasan itu," katanya ketika dihubungi, semalam.

Ibrahim berkata, pihaknya menerusi Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar (JKAS) membuat pemanta-

uan dari semasa ke semasa bagi memastikan perkara itu tidak berulang.

"JKAS membuat pemantauan semula di lokasi bermasalah bagi memastikan tiada lagi saki baki lembu yang belum disembelih dipelihara di kawasan yang tidak sepatutnya," katanya.

Dalam kes viral sebelum ini, beberapa warga asing Bangladesh didapati menyembelih lembu di atas jalan raya berhampiran Jalan Pudu di sini.

Tindakan itu mencetus rasa kurang senang masyarakat tempatan berikutan ia dilakukan di lokasi tidak sewajarnya selain mengambil kira faktor kebersihan.

FAKTA
Kawasan komersial dicemari najis lembu

MEDIA CETAK		MEDIA ELEKTRONIK	
<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL	<input type="checkbox"/> BERITA HARIAN	<input type="checkbox"/> THE MALAY MAIL
<input checked="" type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR	<input type="checkbox"/> UTUSAN MALAYSIA	<input type="checkbox"/> THE STAR
<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO	<input type="checkbox"/> SINAR HARIAN	<input type="checkbox"/> KOSMO
<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME	<input type="checkbox"/> HARIAN METRO	<input type="checkbox"/> NEW STRAIT TIME
<input type="checkbox"/> THE SUN	<input type="checkbox"/> SUNDAY STAR	<input type="checkbox"/> THE SUN	
RUANGAN : Luar Negara	M/SURAT: 11	RUANGAN :	
PERKARA			
<input type="checkbox"/> DASAR JABATAN	<input type="checkbox"/> IMPORT EKSPORT	<input type="checkbox"/> SISTEM KUALITI	<input type="checkbox"/> PELBAGAI
<input type="checkbox"/> KESIHATAN AWAM	<input type="checkbox"/> KAWALAN PENYAKIT	<input checked="" type="checkbox"/> PENGUATKUASAAN	
<input type="checkbox"/> KEBAJIKAN HAIWAN	<input type="checkbox"/> TEKNOLOGI VETERINAR	<input type="checkbox"/> ADUAN	
TARIKH			
6 September 2017			

Insiden telur dicemari racun jejakkan 40 negara

FRANKFURT 5 Sept. - Insiden telur dicemari dengan racun serangga *Fipronil* dilaporkan melibatkan 40 buah negara termasuk 24 buah negara Kesatuan Eropah (EU), demikian menurut agensi berita Jerman, DPA, hari ini.

Berjuta-juta telur telah ditarik balik dari pasar raya-pasar raya di seluruh Eropah walaupun beberapa pihak berkuasa tempatan melahirkan kebimbangan bahawa banyak telur yang tercemar telah diproses dalam makanan seperti biskut, kek dan salad.

Mesyuarat menteri-menteri pertanian EU di Tallinn, Estonia dijangka akan membincangkan insiden berkenan hari ini.

Jurucakap Suruhanjaya Eropah mengesahkan negara anggota EU yang tidak mengalaminya hanyalah Lithuania, Portugal, Cyprus dan Croatia.

Negara-negara bukan anggota yang berdepan dengan insiden telur yang tercemar itu termasuklah Amerika Syarikat (AS), Rusia, Afrika Selatan dan Turki.

Pihak berkuasa Belgium dan Belanda mengesan sumber racun serangga itu dari pembekal produk pembersihan di Belanda.

Dua lelaki Belanda yang mengendalikan syarikat pembersihan, Chick-friend telah ditahan pada bulan lalu.

Fipronil disifatkan toksik sederhana yang boleh menyebabkan kerosakan pada organ manusia.

Bahan berkenaan digunakan secara meluas untuk mengubati kutu pada binatang peliharaan tetapi telah digunakan dalam perniagaan makanan contohnya untuk membersihkan bangsal meskipun ia tidak dibenarkan. -REUTERS



PARA pengusaha telur membuang telur yang disyaki telah tercemar dengan racun serangga di Onstwedde, Belanda. - AFP

